

16 MAY 1997

Zin-Pengganti

'FORMULA' SELANGOR DAN FAKTOR 'RAHIM' JADI BUALAN

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- Soal sama ada 'formula' yang digunakan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memilih Menteri Besar Selangor yang baru akan juga dijadikan dasar memilih pengganti Allahyarham Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani sebagai Ketua Menteri Melaka mula menjadi tajuk perbualan.

Perbincangan bertambah menarik kerana terdapat satu faktor atau lebih tepat satu nama -- Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik -- yang menjadi sebutan penganalisis di sini.

Mohd Zin, 55, meninggal dunia di sini Rabu selepas diserang angin ahmar awal pagi Ahad lepas.

Penganalisis politik berpendapat jika Dr Mahathir boleh memilih seorang menteri pusat untuk menerajui sebuah kerajaan negeri dengan mengosongkan kerusi parlimennya dan bertanding pula untuk satu kawasan Dewan Undangan Negeri, tidak ada sebabnya perkara serupa tidak boleh dilakukan di Melaka.

Dalam kes Selangor, Datuk Abu Hassan Omar telah dipilih oleh Perdana Menteri untuk menerajui kerajaan Selangor dan dengan itu beliau telah meletak jawatan sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Abu Hassan Omar bagi bertanding kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Permatang. Beliau bertukar kawasan dengan Datuk Jamaluddin Adnan yang akan bertanding bagi kerusi Parlimen Kuala Selangor.

"Jika formula ini digunakan bermakna wakil Umno dari Melaka di peringkat pusat turut mempunyai peluang seperti pemimpin di peringkat negeri, terutama anggota-anggota Exco dan Anggota Dewan Undangan Negeri," kata seorang pemerhati.

Wakil-wakil Umno Melaka di peringkat pusat ialah Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Wira Mohd Ali Rustam yang juga Anggota Parlimen Batu Berendam, Anggota Parlimen Alor Gajah Datuk Abu Seman Yusop dan bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Abdul Ghafar Baba selaku Anggota Parlimen Jasin yang juga pernah menjadi Ketua Menteri Melaka.

Berdasarkan formula di Selangor itu, calon yang dikatakan layak ialah Mohd Ali kerana beliau juga merupakan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Melaka seperti Abu Hassan yang ketika dinamakan bakal Menteri Besar, memegang jawatan yang serupa di Selangor.

Ketika diajukan soalan mengenai pengganti Mohd Zin semalam, Dr Mahathir berkata, oleh kerana beliau akan bercuti selama dua bulan tidak lama lagi, timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku pemangku Perdana Menteri boleh membuat pelantikan kerana beliau mempunyai "kuasa penuh".

Dr Mahathir, ketika ditemui pemberita di Seri Iskandar, Perak, turut ditanya sama ada beliau akan sekali lagi melakukan kejutan dengan melantik seorang menteri pusat ke jawatan itu seperti yang dilakukan untuk jawatan Menteri Besar Selangor.

Tetapi Perdana Menteri secara berseloroh menjawab bahawa beliau berhasrat untuk melakukan sesuatu yang "benar-benar mengejutkan" dengan melantik seorang wartawan ke jawatan itu.

Dalam membincangkan soal calon yang layak, penganalisis tidak dapat mengelak daripada menyebut nama Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik.

Sejak beliau "dibersihkan" daripada dakwaan terbabit dalam hubungan sulit dengan gadis bawah umur dan rasuah, bekas Ketua Menteri Melaka itu telah beberapa kali dilaporkan akan kembali aktif dalam arena politik di peringkat negeri dan pusat.

"Oleh itu, timbullah beberapa pendapat bahawa Abdul Rahim mungkin

diberi peluang sekali lagi," kata seorang pemerhati.

Jika ini berlaku, terdapat dua andaian iaitu sama ada Abdul Rahim akan bertanding kerusi negeri kawasan Melekek yang dulunya diwakili oleh Mohd Zin atau beliau bertanding kerusi Parlimen Batu Berendam bagi membolehkannya dilantik menggantikan Abu Hassan sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwah Pengguna manakala Mohd Ali bertanding kerusi Melekek.

Dalam pada ramai yang memperkatakan formula di Selangor, faktor terdapat juga para pemimpin di peringkat negeri yang layak menggantikan Mohd Zin patut diberi perhatian serius kerana Dr Mahathir mungkin kembali kepada cara tradisional dalam melantik seorang Ketua Menteri seperti yang dilakukannya ketika melantik Mohd Zin menggantikan Abdul Rahim.

Daripada lapan anggota exco kerajaan negeri Melaka, enam adalah daripada Umno iaitu Datuk Sahar Arpan, Datuk Yasin Shariff, Datuk Abu Zahar Isnin, Datuk Mo'min Abdul Aziz, Datuk Ibrahim Durum dan Datuk Nordin Yaani manakala dua lagi daripada MCA.

Bagaimanapun, tiga daripada lapan anggota exco itu dilaporkan sedang disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah berhubung dakwaan menyalahgunakan kuasa, rasuah dan menyeleweng.

Bagaimanapun, seperti kata seorang penganalisis politik, Prof Madya Mahadzir Md Khir baru-baru ini, Dr Mahathir bukanlah pemimpin yang suka orang lain membuat spekulasi mengenai apa yang beliau fikirkan.

Ketika menjadi anggota panel forum "Pengkisahan Sejarah Umno" di ibu negara pada 11 Mei lepas, Prof Mahadzir berkata sudah banyak kali Perdana Menteri membuktikan bahawa apa yang ura-urakan menjadi tidak benar.

Apa yang pensyarah Jabatan Sejarah Universiti Malaya itu katakan sememangnya berasas kerana spekulasi terakhir yang tidak menjadi kenyataan ialah apabila Dr Mahathir menamakan Abu Hassan sebagai Menteri Besar Selangor sedangkan penganalisis politik, termasuk media, meramalkan beliau akan melantik seorang daripada anggota exco kerajaan negeri sebagai pengganti Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib. -- BERNAMA

TM MAI